



Tiga puluh lima tahun  
memberikan khidmat  
penuh keikhlasan  
membuatkan Timbalan  
Ketua Pengarah, Sektor  
Perancangan dan  
Pengurusan Arkib Negara  
Malaysia, Faridah Ishak  
merasakan Arkib Negara  
sebahagian daripada  
dirinya. Justeru tidak  
menghairankan apabila  
rasa cinta tersebut sentiasa  
terungkap dalam setiap  
tutur katanya sepanjang  
temu bual berlangsung.

# Cinta Faridah TERTUMPAH DI ARKIB NEGARA

Teks: Ruzlan Mahd Jan Foto: Hafiz Adnan

**“Saya sentiasa pegang prinsip ini kerana percaya bahawa sesuatu yang dilakukan dengan ikhlas dan rasa seronok pasti menghasilkan keputusan yang jauh lebih baik. Maklum sahaja rasa seronok dan rasa cinta pada apa yang kita buat tentu sahaja akan mendorong kita bekerja dengan bersungguh-sungguh dan penuh semangat.**



“ Saya dihantar untuk berkhidmat di Arkib sebaik sahaja tamat pengajian dalam bidang Psikologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya.

Di sini kerjaya saya bermula dan di sini juga insya-Allah ia akan berakhir,” katanya sarat dengan rasa haru.

Faridah memulakan kerjaya sebagai Pegawai Arkib pada tahun 1982.

Enam bulan kemudian dia dihantar ke India untuk mengikuti kursus Diploma Pengurusan Rekod dan Arkib selama setahun sebelum kembali bertugas di Arkib.

“Ada orang mengatakan rugi kerana saya tidak berpeluang bekerja di jabatan atau Kementerian lain. Namun bagi saya ia bukan masalah. Di sini kepakaran saya dan saya seronok dengan tugas yang saya pikul,” katanya penuh semangat dan ramah.

Memang dia tidak rugi apa pun lantaran selama lebih 30 tahun itu dia berpeluang bekerja dan menimba pengalaman di setiap bahagian Arkib Negara. “Di Arkib Negara kami ada 14 bahagian dan saya merasa bekerja di hampir semua bahagian yang ada. Cuma satu sahaja yang saya tidak merasa, iaitu bekerja di cawangan negeri.”

### Pengalaman berharga

Selama lebih 30 tahun menabur khidmat bakti, wanita peramah ini yang juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan Awam Arkib Negara suatu

ketika dahulu mengaku cukup seronok dengan tugasnya.

“Ada orang memandangkan setiap tugas yang diberi sebagai suatu beban berat. Tetapi itu bukan saya. Bagi saya setiap tugas yang diserahkan bagai satu peluang untuk belajar dan berbakti. Ini kerana saya menganggap setiap tugas yang diamanahkan punya misi tertentu. Misalnya ketika jadi pegawai perhubungan awam dahulu saya ambil ia sebagai suatu cabaran untuk memperkenalkan lagi Arkib Negara kepada orang luar di samping membina jembatan ukhwah yang lebih erat sesama kami warganya. Jadi saya cuba sebaik mungkin untuk menyempurnakan misi yang sepatutnya saya jalankan itu,” jelas anak kelahiran Kangar, Perlis ini.

Memegang prinsip setiap kerja adalah menyenangkan dan perlu dilakukan dengan ikhlas, Faridah mengaku sentiasa positif dengan apa yang dilakukan.

“Saya sentiasa pegang prinsip ini kerana percaya bahawa sesuatu yang dilakukan dengan ikhlas dan rasa seronok pasti menghasilkan keputusan yang jauh lebih baik. Maklum sahaja rasa seronok dan rasa cinta pada apa yang kita buat tentu sahaja akan mendorong kita bekerja dengan bersungguh-sungguh dan penuh semangat. Jadi hasilnya pasti hebat, bukan?” ujarnya serius.

Justeru itu tidak menghairankan apabila setiap projek yang diserahkan kepadanya dijalankan dengan penuh semangat bagi memastikan

ia dilaksanakan dengan sempurna. Antara projek yang begitu dekat di hati Faridah ialah Projek Rumah P. Ramlee dan Rumah Tun Mahathir. Dua projek ini yang diselenggarakan sepenuh olehnya mempunyai nilai sentimental yang cukup bermakna buat Faridah.

“Kedua-dua projek ini banyak mengajarnya tentang banyak perkara. Saya dan team saya menyelidik, dan mencari bahan sehingga ke akar umbi. Dalam perjalanan mencari segala bahan dan material yang diperlukan kami temui banyak orang dengan pelbagai cerita menarik. Dari situ kami dapat banyak kisah-kisah di sebalik tabir yang tidak diketahui umum.”

Bukan itu sahaja dalam perjalanan menyiapkan dua projek besar ini mereka temui banyak kawan baru yang suatu



masa pernah menjadi orang penting atau rapat dengan dua nama besar tersebut. Menurut Faridah mereka bukan sahaja memberikan kerjasama yang baik dalam menayakan projek tersebut, tetapi kemudiannya menjadi sahabat dan saudara yang silaturahimnya berkekalan sehingga ke akhir hayat.

Faridah mengakui bahawa ini merupakan antara momen-momen indah yang dikutip sepanjang bekerja dengan institusi yang menyimpan khazanah sejarah Negara. "la bukan sekadar menyiapkan kerja, tetapi merangkum hubungan kemanusiaan yang lebih mendalam nilai dan artinya. Sebab itu saya katakan bahawa saya tidak pernah berasa bosan dengan kerja dan saya percaya jika kita yakin apa yang kita buat menyeronokkan, la pasti akan jadi seronok. Begitu juga sebaliknya."

Baginya selain pengalaman, setiap tugasan ataupun projek yang dikendalikan merupakan satu proses pembelajaran.

"Jangan sekalik-kali memikirkan yang bila kita ada ijazah dan punya pengalaman kerja bertahun-tahun kita sudah pakar dalam sesuatu bidang, itu salah. Ini kerana dari semasa ke semasa kita pasti akan berdepan dengan situasi baru dan perlu membuka mata dan minda untuk 'belajar' semula. Proses inilah yang membuat kita menjadi lebih matang dan membantu mengenai diri kita serta orang di sekeliling. Contohnya sewaktu melaksanakan projek Arkib Di Raja, saya belajar banyak perkara asing terutama dari segi penggunaan bahasa, dan adat istiadat. la membuat saya lebih peka dan menghargai institusi di raja kita," tuturnya yang juga terlibat dengan penamaan semula jalan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Arkib dan masyarakat

Faridah mengakui bahawa biarpun Arkib Negara yang ditubuhkan pada tahun 1957 telah berdiri teguh dengan pelbagai pengiktiran tersendiri sama ada dari dalam dan luar negara, namun masih ada segelinir rakyat yang tidak peka tentangnya.

Justeru dia dan warga Arkib lainnya sentiasa cuba mengambil langkah proaktif dalam mendekati Arkib Negara dan masyarakat. "Dari semasa ke semasa kami mengadakan pameran sama ada di arkib mahupun bergerak ke seluruh Negara, juga pelbagai peraduan.

Kami mahu menjadi lebih mesra pengguna. Kami juga mahu masyarakat tahu bahawa kami menyimpan banyak bahan sejarah Negara yang boleh mereka capai di mana sahaja dan pada bila-bila masa."

Untuk itu katanya Arkib kini sedang giat mendigitalkan bahan-bahan-bahan yang ada agar sejajar dengan perkembangan terkini. Tahu lalu Arkib telah mengambil langkah besar mengubah trend agar orang ramai lebih rapatnya.

"Kami telah melakukan apa yang dikatakan sebagai 'rebranding' dan 'repurposing' bahan. Di mana bahan-bahan yang ada boleh dicapai dalam pelbagai bentuk seperti doodles, animasi, gambar dan dokumentasi.



Semua ini adalah untuk menarik minat orang ramai terutama generasi muda," jelasnya.

Sehingga kini kata Faridah daripada 77 juta bahan yang ada, bahan yang telah digitalkan adalah lebih kurang 2642 jam digital. Bahan-bahan tersebut termasuklah terbitan, berita, laporan parlimen, juga audio-visual.

"Memang masih banyak bahan yang belum dapat didigitalkan. Maklum sahaja proses ini bukan mudah dan mengambil masa serta perlukan kepakaran, tenaga kerja dan belanja yang besar. Namun kami tetap cuba memberikan yang terbaik dan insya-Allah suatu masa nanti ia akan dapat dilaksanakan sepenuhnya."

Faridah juga memberitahu bahawa selain mendigitalkan bahan, Arkib Negara secara berterusan sentiasa



bekerja keras untuk mendapatkan bahan-bahan sejarah negara yang berada di luar negara. "Sesetengah bahan tersebut memang tidak mampu untuk kita peroleh sebab sudah menjadi milik persendirian. Tetapi kami cuba mendapatkannya dengan cara lain seperti melalui pelbagai bentuk kerjasama."

Sebagai orang lama, ibu kepada tiga cahaya mata ini mengakui bahawa tugas Arkib Negara kini semakin mencabar. "Contoh paling mudah ialah pengurusan rekod. Misalnya ketika banjir besar tahun 2014 banyak rekod yang musnah oleh banjir. Namun kita tidak boleh terus melupuskannya kerana ia mengandungi dokumentasi penting. Jadi apa yang kami lakukan ia memberi latihan tentang bagaimana untuk 'menyelamatkan' dokumen-dokumen tersebut selain cara penyimpanan selamat ketika berlaku musibah."

Justeru itu Faridah menyeru warga Arkib agar melengkapkan diri dengan cabaran mendatang. "Kita kena lebih responsif, kredibiliti dan berdaya saing bagi mendekati diri dengan pelanggan. Kekalkan momentum yang ada dan bekerjalah dengan ikhlas."

## Harapan

Faridah yang akan bersara wajib tahun hadapan juga merupakan Pengerusi Pusanpita Arkib Negara.

"Setakat ini saya belum memikirkan apa yang bakal saya lakukan setelah bersara nanti. Tetapi besar kemungkinan saya mahu melibatkan diri dengan lebih aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan terutama yang berkaitan dengan ibu tunggal dan anak yatim."

Buat masa ini dia mahu menggunakan sepenuhnya masa yang ada memberikan khidmat yang terbaik.

"Selagi bernyawa saya akan bekerja seikhlas mungkin memberikan tenaga dan fikiran dalam memajukan Arkib Negara agar suatu hari nanti ia akan benar-benar dapat menjadi institusi rujukan sejarah dan menanam semangat patriotism," ujarnya menutup bicara. k